



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 27 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Wanita Ikon Digalak Tingkat Kesedaran Wanita Sertai Pasaran Tenaga Buruh https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-icon-digalak-tingkat-kesedaran-wanita-sertai-pasaran-tenaga-buruh	Berita RTM	Neutral
2.	'Menggigil Dengar Tangisan Kanak-Kanak, Jeritan Minta Tolong' https://www.sinarharian.com.my/article/682380/berita/semasa/menggigil-dengar-tangisan-kanak-kanak-jeritan-minta-tolong#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1290296/menggigil-dengar-jeritan-kanak-kanak-minta-tolong	Sinar Harian Berita Harian	Neutral
3.	Beri Maklumat Palsu Penemuan Bayi, Jurujual Dipenjara Sehari, Denda RM2,000 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127184/beri-maklumat-palsu-penemuan-bayi-jurujual-dipenjara-sehari-denda-rm2000 https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/jurujual-dipenjara-sehari-denda-rm2500-buat-laporan-palsu-jumpa-bayi/ https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/dipenjara-sehari-denda-rm2000-buat-laporan-palsu-jumpa-bayi/	Harian Metro Kosmo Utusan	Neutral

4.	Wanita Hidap Kanser Runding Cari Duit RM3,000 Sebulan https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/wanita-hidap-kanser-runding-cari-duit-rm3000-sebulan/	Utusan	Neutral
5.	Rozita Terima Anugerah Wanita Cemerlang Sabah https://malaysiagazette.com/2024/08/26/rozita-terima-anugerah-wanita-cemerlang-sabah/#google_vignette	Malaysia Gazette	Neutral
6.	Besbol Wanita Malaysia Meniti Ranking Dunia https://www.sinarharian.com.my/article/682497/berita/sukan/besbol-wanita-malaysia-meniti-ranking-dunia	Sinar Harian	Neutral
7	Wanita Rugi RM5,500 Beg Tangan Dilarikan Lelaki Pecah Masuk Inap Desa https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127349/wanita-rugi-rm5500-beg-tangan-dilarikan-lelaki-pecah-masuk-inap-desa	Harian Metro	Neutral
8	Suami Isteri Didakwa Cuai Sebabkan Anak Tiga Tahun Positif Dadah https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1127213/suami-isteri-didakwa-cuai-sebabkan-anak-tiga-tahun-positif-dadah	Harian Metro	Neutral
9	Anyam Mengkuang Sampingan Sampai Jadi Usahawan https://www.utusan.com.my/ekonomi/2024/08/anyam-mengkuang-sampingan-sampai-jadi-usahawan/	Utusan	Neutral
10	Warga Emas Mati Atas Bumbung #MGFlash https://malaysiagazette.com/2024/08/26/warga-emas-mati-atas-bumbung-mgflash/	Malaysia Gazette	Neutral
11	Remaja OKU Dakwa Dirogol Kenalan Aplikasi Cari Jodoh https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127193/remaja-oku-dakwa-dirogol-kenalan-aplikasi-cari-jodoh	Harian Metro	Neutral

	<p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/remaja-oku-lembam-diperkosa-kenalan-litmatch/#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/682370/berita/semasa/buruh-selinap-masuk-rumah-rogol-remaja-oku</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/08/26/remaja-oku-dirogol-kenalan-aplikasi-cari-jodoh/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/remaja-oku-dirogol-kenalan-aplikasi-laman-sosial/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/26/disyaki-rogol-remaja-oku-kenalan-aplikasi-cari-jodoh-ditahan/</p> <p>https://malaysiatribune.news/2024/08/26/remaja-oku-dirogol-kenalan-aplikasi-cari-jodoh/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Tribune</p>	
12	<p>OKU, Pesara Sanggup Keluarkan Wang Kibar Ratusan Jalur Gemilang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/oku-pesara-sanggup-keluarkan-wang-kibar-ratusan-jalur-gemilang-485112</p> <p>https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2333358</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

WANITA IKON DIGALAK TINGKAT KESEDARAN WANITA SERTA PASARAN TENAGA BURUH



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

PUTRAJAYA, 26 Ogos - Semua pihaknya khususnya wanita-wanita ikon digalakkan bersama-sama membantu meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam kalangan wanita agar dapat menyertai pasaran tenaga buruh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, pada 2024 kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh ialah 56.5 peratus berbanding 53.7 peratus pada 2014.

Peningkatan itu hanya 2.8 peratus dalam tempoh 10 tahun.

"Bawah Belanjawan 2024, Kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan penanda aras agar kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh negara ditingkatkan kepada 60 peratus menjelang tahun 2025. Selaras dengan sasaran tersebut, Belanjawan 2024 telah menyediakan beberapa inisiatif.

"Antaranya galakan cukai bagi wanita yang kembali bekerja dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027; dan had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak ditingkatkan daripada RM2,000 kepada RM3,000, " kata Dr Noraini.

Beliau berucap pada Majlis Sidang Media Pengumuman Pemenang Wanita Ikon Negeri dan Wanita Ikon Muda Negeri 2024/25, di sini.

Dr Noraini juga menyarankan supaya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) khususnya wanita ikon membantu menyediakan tenaga kerja wanita berkemahiran dan berpengetahuan selari dengan kehendak pasaran buruh.

"Transformasi tenaga kerja banyak melibatkan program pembelajaran dan latihan, termasuklah meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan menambah kemahiran (re-skilling)," katanya.

Sementara itu, seramai 11 Wanita Ikon Negeri dan enam Wanita Ikon Muda Negeri telah dinobatkan sebagai Wanita Ikon di negeri masing-masing dalam Anugerah Wanita Ikon Malaysia 2024/2025.

Dr Noraini berkata, penganugerahan tersebut bagi mengiktiraf kecemerlangan para wanita dalam bidang diceburi.

Jelasnya, ia turut melahirkan wanita Ikon yang berperanan sebagai agen perubahan dalam pemeraksanaan wanita di peringkat akar umbi sekali gus mendorong kemajuan negara.

'MENGGIGIL DENGAR TANGISAN KANAK-KANAK, JERITAN MINTA TOLONG'



Tular video memaparkan kereta jenis Proton Iriz yang dinaiki enam sekeluarga telah terbabas ke dalam parit yang dipenuhi air.

BAGAN SERAI - Tindakan berani dua lelaki berjaya menyelamatkan enam sekeluarga daripada lemas selepas kereta dinaiki mereka terjunam ke dalam parit di Kilometer 15, Jalan Selama-Bagan Serai, Sabtu lalu.

Kejadian sekitar jam 3.45 petang itu disaksikan oleh kakitangan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kamal Ramli, 36, yang turut membantu mangsa kemalangan.

Menurutnya, dia yang dalam perjalanan pulang ke Kuala Terengganu, Terengganu melihat kereta mangsa yang berada di hadapannya telah terlanggar tiang elektrik sebelum terjunam ke dalam parit.

"Menggigil melihat kejadian berlaku depan mata, tambahan dengar tangisan kanak-kanak dan jeritan kuat minta tolong dari tempat duduk belakang sambil menggapai tangan.

"Saya yang panik terus meminta bantuan pengguna jalan lain sampailah dua lelaki bermotosikal berhenti dan tanpa fikir panjang terus terjun mendapatkan tiga kanak-kanak yang masih kecil untuk dibawa ke tempat selamat," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Isnin.

Terdahulu, tular video berdurasi 35 saat di media sosial memaparkan kereta jenis Proton Iriz berwarna hitam telah terbabas ke dalam parit yang dipenuhi air.

Menerusi video itu, seorang kanak-kanak lelaki yang berada di bahagian penumpang belakang meraih bahu lelaki yang berenang ke arahnya dan terdapat seorang lagi kanak-kanak didukung oleh remaja perempuan berusia 13 tahun.

Dalam pada itu, seorang wanita yang duduk di bahagian penumpang hadapan turut menghulurkan kanak-kanak dipegangnya kepada seorang lelaki lain untuk diselamatkan.

Tambah Kamal, dia bersyukur kesemua mangsa berjaya diselamatkan sebelum kereta terbabit tenggelam.

"Saya sendiri pun menggigil hendak turun berikutan trauma kerana mempunyai pengalaman hampir lemas ketika kanak-kanak dahulu.

"Niat saya merakam kejadian itu adalah untuk hargai keberanian abang tersebut dan beberapa individu lain yang sanggup terjun membantu mangsa kemalangan itu walaupun air ketika itu sangat dalam," katanya.

Dia juga terkejut video yang dimuat naik di akaun TikTok miliknya dibanjiri dengan pujian daripada warganet yang mengagumi tindakan pantas orang awam membantu menyelamatkan mangsa kemalangan.

BERI MAKLUMAT PALSU PENEMUAN BAYI, JURUJUAL DIPENJARA SEHARI, DENDA RM2,000

Parit Buntar: Seorang jurujual dipenjara sehari dan didenda RM2,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan memberi maklumat palsu tentang penemuan bayi perempuan yang baharu lahir, dua minggu lalu.

Majistret Muhammad Syaiful Akmal Mohamad Razi turut menetapkan hukuman penjara 14 hari terhadap Muhammad Shahril Muhammad Radzuan, 24, sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Tertuduh didakwa memberi keterangan palsu tentang penemuan seorang bayi di kaunter aduan Balai Polis Bagan Serai dalam daerah Kerian pada 5.48 petang, 14 Ogos lepas mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksaan.

Timbalan Pendakwa Raya Siti Nur Amalina Harun memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal, namun peguam Muhammad Faizol Hashim yang mewakili tertuduh memohon denda ringan kerana anak guamnya hanya mempunyai pendapatan RM1,500 sebagai jurujual di sebuah pasar raya.

Di Mahkamah Majistret sama, seorang buruh binaan warga Pakistan dipenjarakan tiga bulan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mencuri alat periksa tekanan darah dan mentol di sebuah surau.

Hussain Bilawal, 32, didakwa mencuri alatan milik Surau Al-Amin Batu 10 di sini yang diletakkan di tempat simpanan barang kira-kira 5.50 pagi, 15 Ogos lepas mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Siti Nur Amalina memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh, namun Hussain yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan kerana hanya bekerja sebagai buruh binaan yang dibayar RM80 hingga RM90 sehari.

REMAJA OKU DAKWA DIROGOL KENALAN APLIKASI CARI JODOH

Ampang Jaya: Polis menahan lelaki dipercayai merogol remaja kurang upaya (OKU) yang dikenali menerusi aplikasi cari jodoh dalam kejadian di Taman Saga, di sini, pada 17 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Superintendan Nazruel Ekram Abu Saare berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu daripada ibu mangsa berusia 36 tahun.

"Menurut pengadu, semasa berada di rumahnya di Taman Saga, dia bertanyakan kepada mangsa berkaitan kamera litar tertutup (CCTV) di ruang tamu yang tidak berfungsi.

"Mangsa yang juga OKU kategori ketidakupayaan intelektual berusia 16 tahun kemudian memaklumkan suspek datang ke rumah dan merogolnya tanpa rela," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Susulan itu, katanya, pihak polis menahan buruh berusia 24 tahun yang juga kenalan kepada mangsa yang dikenali menerusi aplikasi cari jodoh di rumah suspek di Subang pada jam 10 malam, 21 Ogos lalu.

"Hasil ujian awal air kencing dilakukan terhadap suspek didapati negatif dadah. Suspek direman selama lima hari bermula 22 Ogos lalu sehingga hari ini dan akan disambung reman.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan atas kesalahan merogol," katanya.